

16) STATUS PEMULIHAN PROJEK PERUMAHAN TERBENGKALAI TAMAN ANDAMAN FASA 5 OLEH KONTRAKTOR PENYELAMAT

Adun : Y.B. Tuan Wan Dzahanurin Bin Ahmad (Sungai Kandis)

Kategori : Bertulis

Sesi : 1 (2026)

Sub soalan :

- a) Apakah status terkini kerja-kerja di Taman Andaman 5, Lot 3235, Jalan Universiti? (mohon kontraktor pemaju menyerahkan jadual kerja untuk pengetahuan dan rujukan YB EXCO dan ADN)

Untuk makluman Y. Berhormat, Kerajaan Negeri melalui Lembaga Perumahan Dan Hartanah Selangor (LPHS) telah memperuntukkan dana daripada Tabung Pemulihan Projek Terbengkalai (TEPAT) bagi tujuan pemulihan projek Taman Andaman 5, Shah Alam berjumlah RM976,836.04. Tempoh pelaksanaan projek ini adalah selama 8 bulan bermula pada 15 Disember 2025 dan dijadualkan siap pada 14 Julai 2026. Status kemajuan kerja-kerja fizikal di tapak bagi projek Taman Andaman 5 sehingga kini telah mencapai 35% penyiapan. Perincian kemajuan mengikut komponen kerja adalah seperti berikut :

BIL.	KOMPONEN KERJA PEMULIHAN	% PENYIAPAN
1.	Kerja Bangunan	80
2.	Perpaipan Kumbahan (Sewer Line)	50
3.	Sewerage Treatment Plant	20
4.	Roadwork And Drainage	10
5.	Kabel Elektrik Lampu Jalan	30
6.	Bekalan Air Luaran	20

Kerajaan Negeri melalui Lembaga Perumahan Dan Hartanah Selangor (LPHS) sentiasa memantau rapi kemajuan projek ini bagi memastikan ia dilaksanakan mengikut jadual yang telah ditetapkan. Kerajaan Negeri kekal komited untuk memastikan projek ini disiapkan mengikut jadual demi kepentingan dan kesejahteraan rakyat, khususnya dalam meningkatkan kemudahan infrastruktur dan perkhidmatan di kawasan terlibat.